



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

WEBINAR SEMPENA WORLD ANTIMICROBIAL RESISTANCE AWARENESS WEEK (WAAW) TAHUN 2023 BAGI SEKTOR KESIHATAN HAIWAN

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ingin memaklumkan bahawa Jabatan ini dengan kerjasama Malaysian Veterinary Medical Association (MAVMA) telah mengadakan Webinar Sempena *World Antimicrobial Resistance Awareness Week (WAAW)* Tahun 2023 bagi Sektor Kesihatan Haiwan.

Webinar ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar pada 8 November 2023 (Rabu), jam 7.50 pagi. Webinar yang diadakan sehingga 2.30 petang secara dalam talian telah disertai oleh 956 orang peserta yang turut disiarkan secara langsung melalui *fb* Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan *fb* Malaysian Veterinary Medical Association yang ditonton oleh pihak-pihak berkepentingan yang terdiri daripada kementerian/agensi, kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta pemegang taruh bagi sektor kesihatan haiwan.

Program ini merupakan antara pengisian Minggu Kesedaran Antimikrob Sedunia atau *World AMR Awareness Week (WAAW)* yang diraikan pada 18-24 November setiap tahun di peringkat global dan nasional dengan tujuan memberi kesedaran kepada orang awam, pekerja kesihatan, penternak, profesional kesihatan haiwan dan pembuat dasar mengenai kerintangan antimikrob (AMR).

Isu AMR dikenalpasti sebagai ancaman kesihatan global yang semakin meruncing dan memerlukan keprihatinan semua pihak yang terlibat dalam pengurusan kesihatan haiwan dan kesihatan manusia. Kerintangan antimikrob berlaku apabila kuman berubah atau bermutasi dan tidak lagi bertindak terhadap ubat-ubatan. Dalam kata lain, kuman menjadi kebal terhadap antibiotik.

Sebagaimana yang diketahui, manusia dan haiwan berkongsi bakteria yang sama di mana sebahagian besar patogen yang berbahaya kepada manusia adalah berasal daripada haiwan. Patogen ini perlu dibasmi dan penyebarannya perlu dikawal di peringkat nasional mahupun di peringkat global. Justeru, pengawalan AMR memerlukan perancangan yang strategik melalui pendekatan holistik dan penglibatan multisektoral dalam mewujudkan pelan tindakan dan penyelarasan dasar kesihatan awam, kesihatan haiwan dan juga alam sekitar.

Sebanyak lima (5) kertas kerja telah dibentangkan dalam webinar tersebut yang mengupas beberapa tajuk seperti berikut :

1. ***Updates of Anthelmintic Resistance: Malaysian Perspectives*** oleh YBhg. Dato' Dr. Chandrawathani Panchadcharam;
2. **Mikroorganisma Rintang Antimikrob Dalam Sumber Air di Malaysia** oleh YBrs. Dr. Noor Haza Fazlin binti Hashim dari Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM);
3. **Kerintangan Dan Penggunaan Antimikrob Dalam Akuakultur di Malaysia** oleh YBrs. Dr. Wan Norhana binti Md Noordin dari Institut Penyelidikan Perikanan (FRI), Jabatan Perikanan Malaysia;
4. **Survelan Kerintangan Antimikrob Dalam Sektor Kesihatan Haiwan** oleh YBrs. Dr. Norhana binti Ayob dari Seksyen Perkhidmatan Makmal Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar; dan
5. **Preskripsi Veterinar Bagi Sektor Kesihatan Haiwan** oleh YBrs. Dr. Azita Hanim binti Hashim Ghani dari Seksyen Pengurusan Perubatan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Bersempena dengan webinar ini, YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar juga telah melancarkan video preskripsi veterinar selari dengan Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) Preskripsi Veterinar, No.Dokumentasi : APTVM 15 (b) : 2/2021 . Kepentingan preskripsi veterinar ini adalah bagi memastikan perolehan ubat-ubatan yang digunakan terhadap haiwan dan ternakan telah melalui pemantauan Doktor Veterinar terlebih dahulu sebelum digunakan. Selain itu, ia juga bertujuan memastikan penggunaan ubat-ubatan oleh

penternak dan pemilik haiwan adalah tepat dan betul dengan arahan bertulis yang jelas melalui preskripsi Doktor Veterinar. Amalan preskripsi veterinar ini juga diharapkan dapat memastikan penggunaan ubat-ubatan terutama antimikrob digunakan secara berhemah oleh penternak dan pemilik haiwan.

Bersesuaian dengan tema sambutan WAAW 2023, iaitu ***Preventing Antimicrobial Resistance Together***, pendekatan secara *One Health* dan holistik perlu diterapkan dalam mengawal AMR. Tanggungjawab dan kerjasama semua pihak diperlukan untuk sama-sama menangani isu AMR iaitu dengan meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai AMR dan seterusnya menyebarkan kesedaran ini kepada orang lain sama ada di rumah, di tempat kerja, komuniti serta kepada pihak-pihak lain di seluruh negara.

Oleh itu, DVS menyeru semua pihak dalam negara untuk bersama-sama memainkan peranan dalam memastikan ketersediaan dan keberkesanan antimikrob bagi kegunaan esok dan akan datang untuk generasi masa hadapan.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
8 NOVEMBER 2023**